



PENGARUH PENGETAHUAN, SIKAP DAN
PENGALAMAN TERHADAP KEMAHIRAN
MENGURUS MATA PELAJARAN
BAHASA MELAYU DALAM
KALANGAN GURU NOVIS
BUKAN OPSYEN



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021





**PENGARUH PENGETAHUAN, SIKAP DAN PENGALAMAN
TERHADAP KEMAHIRAN MENGURUS MATA
PELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM
KALANGAN GURU NOVIS
BUKAN OPSYEN**

DING YIM SHIH



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...16...(hari bulan)...April.. (bulan) 20...21.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, DING YIM SHIH, M20162001946, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGARUH PENGETAHUAN, SIKAP DAN PENGALAMAN TERHADAP KEMAHIRAN MENGURUS MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU GURU NOVIS BUKAN OPSYEN adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. RAMLEE BIN ISMAIL mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH PENGETAHUAN, SIKAP DAN PENGALAMAN TERHADAP KEMAHIRAN MENGURUS MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU GURU NOVIS BUKAN OPSYEN dengan ini dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN.

Tarikh

Tandatangan Penyelia



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: PENGARUH PENGETAHUAN, SIKAP DAN PENGALAMAN
TERHADAP KEMAHIRAN MENGURUS MATA PELAJARAN
BAHASA MELAYU GURU NOVIS BUKAN OPSYEN

No. Matrik /Matric's No.: M 20162001946

Saya / I : DING YIM SHIH

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972./*Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan./ *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh:

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana memberkati saya sepanjang masa sehingga dapat menyempurnakan tesis ini walaupun terpaksa menempuh pelbagai cabaran dan dugaan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia yang saya sanjungi, Profesor Madya Dr. Ramlee bin Ismail. Beliau telah memberi banyak pencerahan yang memberangsangkan kepada saya sepanjang tempoh menyempurnakan tesis ini. Beliau telah memberi banyak dorongan, sokongan dan nasihat kepada saya apabila menhadapi pelbagai permasalahan. Beliau juga sudi mengorbankan masa dan tenaga dalam memberi didikan kepada saya untuk menjadi seorang pengkaji dan pendidik yang berkompentensi. Segala jasa dan pengorbanan beliau curahkan akan terpahat dalam hati saya.

Pada masa yang sama, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga yang saya sayangi atas kesabaran, toleransi dan sokongan moral sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Segala pengorbanan yang telah dicurahkan akan saya sentiasa ingat.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan seperjuangan dan rakan sekerja yang telah menghulurkan bantuan, dorongan dan cadangan apabila saya bertemu cabaran, terutamanya rakan yang telah berkongsi pendapat dan pengalamannya. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga buat semua profesor dan pensyarah yang telah mengajar dan membimbing saya sepanjang pengajian ini.

ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh pengetahuan mengurus, sikap dalam mengurus dan pengalaman terhadap kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru novis bukan opsyen Bahasa Melayu. Pendekatan kajian ialah kajian kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan untuk menjawab tujuh persoalan kajian dan tiga hipotesis. Sampel kajian ialah 80 orang guru novis yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dari 35 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kinta Utara, Ipoh, Perak yang dipilih menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Satu set instrumen digunakan untuk menentukan pengaruh pengetahuan mengurus, sikap dalam mengurus dan pengalaman terhadap kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru novis bukan opsyen Bahasa Melayu. Data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif, ANOVA satu hala, kolerasi Pearson dan regresi linear. Secara keseluruhannya, guru novis bukan opsyen Bahasa Melayu mempunyai tahap kompetensi yang tinggi dengan skor min 3.21 ($sp=0.37$) dalam pengurusan mata pelajaran Bahasa Melayu. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu berdasarkan pengalaman mengajar dalam kalangan guru novis bukan opsyen Bahasa Melayu. Analisis Kolerasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang kuat antara pengetahuan mengurus ($r=0.75$) dan sikap dalam mengurus ($r=0.79$) dengan kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu. Analisis regresi linear menunjukkan pengetahuan mengurus ($\beta=0.33$, $t=3.32$, $p=0.00$) dan sikap dalam mengurus ($\beta=0.5$, $t=5.46$, $p=0.00$) yang menyumbang secara signifikan kepada kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu. Kesimpulannya, pengetahuan mengurus dan sikap dalam mengurus penting dalam pengurusan mata pelajaran Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, kajian yang lebih komprehensif perlu dilaksanakan dengan melibatkan semua guru opsyen dan bukan opsyen Bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan bagi mendapatkan maklumat yang tepat mengenai pengaruh pengetahuan mengurus dan sikap dalam mengurus dalam kalangan guru mata pelajaran Bahasa Melayu.



EFFECT OF MANAGEMENT KNOWLEDGE, ATTITUDE IN MANAGEMENT AND EXPERIENCE WITH THE MANAGEMENT SKILLS OF THE MALAY LANGUAGE SUBJECT AMONG THE NON MALAY LANGUAGE OPTION NOVICE TEACHERS

ABSTRACT

This study's objective was to identify the effect of management knowledge, attitude in management, and experience with the Malay Language subject's management skills among the non-Malay Language option novice teachers. A quantitative research design was selected to answer seven research questions and three hypotheses. Eighty novice teachers who teach Malay Language subject in 35 SJKC in Kinta Utara, Ipoh, and Perak were chosen as a sample using random sampling. A set of instruments was used to identify the influence of management knowledge, attitude in management, and experience with the Malay Language subject's management skills among the non-Malay language option novice teacher. Data were analyzed using descriptive statistics, one-way analysis of variance, Pearson correlation and linear regression. Overall, the novice teachers had a high level of competence with a mean score of 3.21 (sd=0.37). The results also showed no significant differences in managing The Malay Language subjects by teaching experience of the non-Malay Language option novice teachers. The result from Pearson correlation analysis reflects a strong relationship between knowledge management ($r=0.75$) and attitude in management ($r=0.79$) with the management skills of Malay Language. Linear regression analysis showed that management knowledge ($\beta=0.33$, $t=3.32$, $p=0.00$) and attitude in management ($\beta=0.50$, $t=5.46$, $p=0.00$) contributed significantly to the management skill of Malay Language. To sum up, managing knowledge and attitudes skill influenced managing the Malay Language subject. However, a further investigation should be riveted to all option and non-option Malay Language teachers who are teaching at National Type Primary School so that this study becomes more accurate related to the effect of operating and managing the attitude among Malay Language teachers.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI GRAF	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	7
1.3 Pernyataan Masalah	13
1.4 Objektif Kajian	25
1.5 Persoalan Kajian	26
1.6 Hipotesis Kajian	27
1.7 Kerangka Teori dan Konsep Kajian	27
1.8 Definisi Operasi	29
1.8.1 Pengetahuan Mengurus	29
1.8.2 Sikap dalam Mengurus	30



1.8.3	Kemahiran Mengurus	30
1.8.4	Pengalaman	30
1.8.5	Mata Pelajaran Bahasa Melayu	30
1.8.6	Guru Novis	31
1..8.7	Guru Bukan Opsyen	31
1.9	Kepentingan Kajian	32
1.10	Batasasn Kajian	33
1.11	Penutup	34

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	35
2.2	Teori Kompetensi	36
2.2.1	Model Iceberg	37
2.2.2	Kompetensi Guru	42
2.2.3	Standard Kompetensi Guru Malaysia	50
2.3	Kepentingan Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Mengurus	51
2.4	Pengurusan Mata Pelajaran Bahasa Melayu	55
2.5	Mata Pelajaran Bahasa Melayu	61
2.6	Guru Novis	65
2.7	Penutup	66

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	68
3.2	Reka Bentuk Kajian	69
3.3	Populasi dan Pensempelan	70
3.4	Instrumen Kajian	72
3.4.1	Soal Selidik dan Instrumentasi	72
3.4.2	Pengukuran	75
3.5	Kajian Rintis	76
3.6	Prosedur Kajian	80
3.7	Analisis Data	81
3.7.1	Statistik Deskriptif	82
3.7.2	ANOVA Satu Hala	84
3.7.3	Korelasi Pearson	84
3.7.4	Regresi	85
3.8	Ringkasan Kaedah Analisis Data	86
3.9	Penutup	89

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	90
4.2	Ujian Normaliti	91
4.3	Ciri-ciri Demografi	92
4.4	Pengetahuan Mengurus dalam Kalangan Guru Novis	94
4.5	Sikap dalam Mengurus Mata Pelajaran Bahasa Melayu	97

4.6	Kemahiran Mengurus Mata Pelajaran Bahasa Melayu	99
4.7	Tahap Kompetensi Pengurusan Mata Pelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Guru Novis	101
4.8	Perbezaan Tahap Kemahiran Mengurus Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Pengalaman Mengajar	102
4.9	Hubungan antara Sikap dalam Mengurus dan Pengetahuan Mengurus dengan Kemahiran Mengurus	103
4.10	Pengaruh antara Pengetahuan Mengurus, Sikap dalam Mengurus dan Pengalaman Mengajar Dengan Kemahiran Mengurus Mata Pelajaran Bahasa Melayu	104
4.11	Ringkasan Dapatan Kajian	106
4.12	Penutup	108

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	110
5.2	Ringkasan Kajian	111
5.3	Perbincangan	112
5.3.1	Pengetahuan Mengurus Proses Pdpc Mata Pelajaran Bahasa Melayu.	113
5.3.2	Sikap dalam Mengurus Mata Pelajaran BahasaMelayu	116
5.3.3	Kemahiran Mengurus Mata Pelajaran Bahasa Melayu	119
5.3.4	Kompetensi Pengurusan Mata Pelajaran Bahasa Melayu	121
5.3.5	Kemahiran Mengurus Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Pengalaman Mengajar	123

5.3.6	Hubungan antara Sikap dan Pengetahuan Pengurusan dengan Kemahiran Mengurus Mata Pelajaran Bahasa Melayu	125
5.3.7	Pengaruh Pengetahuan Mengurus, Sikap dalam Mengurus dan Pengalaman Mengajar dengan Kemahiran Mengurus	127
5.4	Kesimpulan Kajian	128
5.5	Implikasi Kajian	130
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	132
5.7	Rumusan	133
	RUJUKAN	135
	LAMPIRAN	149

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Taburan Item Mengikut Bahagian Dalam Soal Selidik	74
3.2	Panduan Tahap Nilai Pekali Kebolehpercayaan	79
3.3	Statistik Kebolehpercayaan Instrumen	79
3.4	Interpretasi Tahap Berdasarkan Julat Skor Min	84
3.5	Pekali Kolerasi Pearson	85
3.6	Ringkasan Kaedah Analisis Data	86
4.1	Peratus Guru Novis di Sekolah Jenis Kebangsaan Kinta Utara Perak Berdasarkan Aspek Jantina, Pengalaman Mengajar dan Opsyen	92
4.2	Pengetahuan Mengurus PdPc	94
4.3	Tahap Pengetahuan Mengurus Terhadap Proses PdPc Mata Pelajaran Bahasa Melayu	96
4.4	Sikap dalam Mengurus Mata Pelajaran Bahasa Melayu	97
4.5	Tahap Sikap dalam Mengurus Mata Pelajaran Bahasa Melayu	98
4.6	Kemahiran Mengurus Mata Pelajaran Bahasa Melayu	99
4.7	Tahap Kemahiran Mengurus Mata Pelajaran Bahasa Melayu	100
4.8	Tahap Kompetensi Pengurusan Mata Pelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Guru Novis	101
4.9	Perbezaan Tahap Kemahiran Mengurus Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Pengalaman Mengajar	102
4.10	Hubungan Antara Sikap Dalam Mengurus Dan Pengetahuan Mengurus dengan Kemahiran Mengurus Mata Pelajaran Bahasa Melayu	103



4.11	Pengaruh Antara Pengetahuan Mengurus, Sikap dalam Mengurus dan Pengalaman Mengajar dengan Kemahiran Mengurus Mata Pelajaran Bahasa Melayu	104
4.12	Analisis Regresi Linear Pengaruh Pengetahuan Mengurus, Sikap dalam Mengurus dan Pengalaman Mengajar Terhadap Kemahiran Mengurus Mata Pelajaran Bahasa Melayu	105
4.13	Ringkasan Dapatan Kajian	106
4.14	Ringkasan Pengujian Hipotesis	107

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep	29
2.1 Model Kompetensi Iceberg	38
2.2 Komponen Kompetensi Guru	43
3.1 Rumus untuk Menentukan Julat Min Skor	83

SENARAI GRAF

No. Graf	Muka Surat
4.1 Graf Histogram bagi Pemboleh Ubah Pengetahuan Mengurus, Sikap dalam Mengurus dan Kemahiran Mengurus	90

**SENARAI SINGKATAN**

ABM	Alat Bantu Mengajar
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
JPNP	Jabatan Pelajaran Negeri Perak
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LDP	Latihan Dalam Perkhidmatan
MBMMBI	Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuhkan Bahasa Inggeris
PAK-21	Pembelajaran Abad Ke-21
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPGB	Program Pembangunan Guru Baharu
PPIK	Pedagogi Isi Kandungan
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PPP	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SGM	Standard Guru Malaysia





SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SP	Sijil Perguruan
SPI	Surat Pekeliling Ikhtisas
SPP	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
TS25	Program Transformasi Sekolah 2025
UKBM	Ujian Kecekapan Bahasa Melayu
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



SENARAI LAMPIRAN

- A Instrumen Soal Selidik
- B Surat Kelulusan untuk Menjalankan Kajian
- C Surat Pengesahan untuk Menjalankan Penyelidikan
- D Surat Kelulusan untuk Menjalankan Kajian di Sekolah
- E Surat Kelulusan Menjalankan Kajian di Sekolah Daerah Kinta Utara
- F Jadual Penentu Saiz Sample Krejcie dan Morgan (1970)
- G Ujian Normaliti
- H Jadual Analisis Statistik Deskriptif
- I Jadual Analisis ANOVA
- J Jadual Analisis Kolerasi Pearson
- K Jadual Analisis Regresi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan merupakan proses penyampaian ilmu pengetahuan dan kemahiran secara formal dan informal (Ahmad Zaharuddin & Munirah Rohman, 2017) kerana pendidikan ialah kerja sepanjang hayat. Proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang berlangsung di dalam bilik darjah merupakan petunjuk terbaik bagi menentukan keberkesanan sistem pendidikan sesebuah negara. Dalam ekonomi berteraskan global, kegemilangan sesebuah negara berpaut kepada ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang rakyat miliki (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menyatakan pendidikan di Malaysia merupakan suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu

secara menyeluruh dan bersepadu demi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Matlamat yang direncanakan ini adalah selaras dengan hasrat yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) yang diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Ekonomi Bil. 2/2015 merupakan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang tertumpu kepada aspek kemenjadian murid dan menghasilkan sekolah yang berkualiti tinggi selaras dengan transformasi pendidikan di Malaysia. Melalui program TS25, para guru haruslah menerapkan amalan terbaik semasa melaksanakan tugas dalam bidang pengurusan, kepimpinan serta pedagogi dalam PdPc selaras dengan hasrat yang termaktub dalam PPPM 2013-2025 (Azman, 2017).

Sistem pendidikan di Malaysia mengalami pelbagai perubahan yang berterusan. Transformasi ini bertujuan untuk menyediakan pendidikan yang sempurna dalam persediaan untuk menghadapi Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21). Bagi mengurangkan isu tahap penguasaan mata pelajaran Bahasa Melayu yang rendah di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK), KPM memutuskan bahawa mata pelajaran Bahasa Melayu mesti mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mulai digunakan pada tahun 2011. KPM turutewartakan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 2/2010 Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) bertarikh 25 Januari 2010 yang menjelaskan pelaksanaan Dasar MBMMBI. MBMMBI bermatlamat untuk melahirkan murid yang dapat menguasai Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan fasih dan yakin (KPM,



2014). Ini sejajar dengan visi sistem pendidikan Malaysia iaitu ‘Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik, Negara Sejahtera’.

Selaras dengan dasar MBMMBI, mata pelajaran Sains dan Matematik di Sekolah Kebangsaan (SK) akan kekal menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) pula akan kekal menggunakan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di sekolah masing-masing sebagai bahasa penghantar untuk mata pelajaran lain selain mata pelajaran bahasa (KPM, 2013). Tujuan memartabatkan Bahasa Melayu adalah kerana Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan. Bahasa kebangsaan merupakan alat perpaduan negara, bahasa perhubungan utama dan bahasa ilmu ke arah membina negara bangsa yang bersatu-padu. Memartabatkan Bahasa Melayu membawa maksud menempatkan Bahasa Melayu pada kedudukan yang utama, sesuai dengan tarafnya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa penghantar utama pendidikan berdasarkan Akta Pendidikan 1996.

Perkara 152 Perlembagaan Malaysia turut menghuraikan bahawa Bahasa Melayu yang turut dikenali sebagai Bahasa Malaysia merupakan bahasa rasmi di Malaysia yang tidak boleh dipertikaikan fungsi serta peranannya sebagai bahasa kebangsaan dan akan kekal seperti yang diperuntukkan oleh Parlimen (KPM, 2014). Akta Bahasa kebangsaan 1963/67 telah memantapkan lagi kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di Malaysia. Seksyen 2 Akta Bahasa Kebangsaan menetapkan bahawa segala urusan rasmi kerajaan harus menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantara dan seksyen ini telah diperkuatkan lagi melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2011 (Haeme Hashim, 2019). Oleh itu, PdPc mata





pelajaran Bahasa Melayu yang memberi pendedahan kepada murid mengenai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi serta bahasa penghantar kurikulum sekolah di negara Malaysia perlu dititikberatkan.

Guru memainkan peranan yang amat penting terhadap penguasaan mata pelajaran Bahasa Melayu para murid. Proses PdPc yang menarik mampu menarik minat murid untuk mempelajari dan mengamalkan penggunaan Bahasa Melayu dalam kehidupan seharian (Abdul Syukor, 1999, dalam Haron, Mahamod, Embi, Yusoff, Puteh & Badusah, 2016). Sehubungan itu, guru novis perlulah kompeten dalam pengurusan mata pelajaran Bahasa Melayu agar murid dapat mencapai objektif pembelajaran, menambah ilmu pengetahuan, menguasai kemahiran berfikir aras tinggi serta sentiasa berfikiran kreatif dan inovatif.



Guru ialah aset yang berharga dan terpenting dalam sesebuah sekolah bagi menentukan keberhasilan murid. Guru pada alaf baharu mestilah berprofesional dan profesionalismenya merupakan kunci kepada penambahbaikan kualiti produk (Jemaah Nazir, 2001). Tahap profesionalisme guru novis semasa melaksanakan proses PdPc di sekolah amat dipentingkan (Hamidah, 2012). Hal ini sedemikian kerana guru novis akan menghadapi isu dan cabaran yang sangat tinggi dalam profesion pendidikan terutamanya dalam pelaksanaan proses PdPc. Guru novis wajib memiliki tahap profesionalisme yang tinggi dari aspek kesediaan, pengetahuan, sikap dan motivasi guru novis terhadap pengurusan mata pelajaran untuk mengatasi cabaran dan dugaan tersebut .





Tobias (2006) merumuskan bahawa kompetensi merangkumi afektif, kognitif, motivasi dan kelakuan seseorang individu yang mengizinkan memperlakukan prestasi dalam situasi tertentu. Kompetensi boleh didefinisikan sebagai kemampuan atau kecekapan seseorang individu semasa melaksanakan tugasannya (Zaiha Nabilah, 2014). Daud Ibrahim (2003) menjelaskan bahawa kompetensi membawa maksud *competence, proficiency, skillfull and skill*. Ini bermakna kompetensi merupakan penyatuan aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang harus guru miliki serta amalkan untuk menyempurnakan sesuatu tugas. Vathanophas dan Thai (2007) menjelaskan bahawa kompetensi mencakupi pengetahuan, kemahiran, kebolehan, sifat dan perilaku yang menjadikan seseorang individu itu berkompeten semasa melaksanakan tugas tertentu. Prestasi seseorang guru novis pasti akan meningkat sekiranya guru novis tersebut berkompetensi dalam menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab terhadap jawatan yang disandangnya.

Dalam bidang pendidikan, seseorang guru yang kompeten semestinya memahami dan dapat menguruskan mata pelajarannya serta mampu menghasilkan PdPc yang efektif. Kompeten bermaksud seseorang dapat menjalankan tugas dengan sempurna (Kamus Dewan, 2015). Arsaythamby Veloo dan Arumugam Raman (2013), menekankan bahawa penegasan terhadap keberhasilan murid, akauntabiliti dan kompetensi memberi kesan terhadap penilaian pencapaian guru. Keberhasilan murid dalam bidang akademik bergantung kepada PdPc yang dilaluinya, manakala kualiti PdPc pula bergantung kepada kemahiran mengurus guru.

Seseorang pengurus mata pelajaran yang berkualiti haruslah memiliki elemen kompetensi yang tinggi seperti jelas tentang pengurusan mata pelajaran,





berpengetahuan dalam pedagogi, menguasai kandungan subjek yang diajar, berkemahiran merancang dan menyediakan pengajaran, dapat mengurus bilik darjah dan menguruskan masa secara maksimum, berkebolehan dalam menilai dan mentaksir prestasi murid, memiliki kemahiran kolaborasi yang baik dengan murid serta berkeyakinan dan bermotivasi. Ini dapat dibuktikan melalui Model Slavin (1989), kualiti PdPc dipengaruhi oleh empat unsur utama iaitu pengendalian PdPc (pengaplikasian kaedah dan bahan bantu mengajar), kesesuaian aras pengajaran (pengemaskinian kandungan serta sistem pentaksiran mengikut aras murid), insentif (perancangan isi pengajaran serta memberikan motivasi) dan masa (perancangan masa untuk tugas).

Sejajar dengan itu, Mok (2003) memberi pandangan bahawa guru yang kompeten dalam melaksanakan proses PdPc seharusnya memiliki pengetahuan dalam penyampaian isi kandungan PdPc di bilik darjah secara terurus dan bersistematik. Guru tersebut juga berupaya mengaplikasikan Alat Bantu Mengajar (ABM) yang sesuai untuk menerangkan dengan lebih jelas tentang isi-isi kandungan pengajarannya kepada murid-murid dalam sesi PdPc. Sehubungan dengan itu, guru mestilah jelas dengan pengetahuan supaya dapat menguasai kemahiran mengurus mata pelajaran masing-masing dan memaksimumkan penggunaan ABM dengan sebaik-baiknya. Guru yang paling berkesan merupakan guru yang sentiasa bersedia untuk mendidik anak murid.





1.2 Latar Belakang Masalah

Profesion perguruan merupakan profesion yang diceburi oleh ramai rakyat seluruh Malaysia berbanding dengan profesion lain. Peranan guru pada zaman dahulu hanya tertumpu sebagai penyebar ilmu. Menurut Yakcop Jantan dan Chua (2017) menyatakan bahawa guru lebih berperanan sebagai pemudahcara untuk menyampaikan pengetahuan seharusnya lebih bersedia dan peka dalam menggunakan serta mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dengan cekap sejajar dengan PAK-21.

Guru merupakan individu yang mustahak dalam keberhasilan murid yang cemerlang dan berkualiti tinggi. Guru pada masa kini tidak lagi dianggap sebagai punca pengetahuan dalam proses PdPc bilik darjah sahaja, malah lebih berperanan sebagai pengurus pembelajaran. Pengurus PdPc haruslah memiliki elemen kompetensi yang tinggi bagi membolehkannya menjalankan tugas dengan baik dan bekesan (Khuzaimah Zaaime, Mohamed Yusoff & Shahlan Surat, 2019). Antara elemen kompetensi tersebut adalah seperti jelas tentang pengurusan mata pelajaran, berpengetahuan dalam pedagogi, menguasai kandungan subjek yang diajar, berkemahiran merancang dan menyediakan pengajaran, mengurus bilik darjah, menguruskan masa secara optimum, menilai prestasi murid, memiliki kemahiran komunikasi yang baik dengan murid serta berkeyakinan dan bermotivasi dalam melaksanakan tugasnya (Norhana Saad, Juliana Baharuddin & Siti Ismail, 2016). Oleh yang demikian, antara usaha persiapan dan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan adalah menaik taraf mutu dan kompetensi guru dalam profesion khususnya dalam bidang pengurusan mata pelajaran.





Menurut KPM (2016), 'kompetensi' merujuk kepada kebolehan seseorang menguasai dan membudayakan pengetahuan, kemahiran dan nilai profesional untuk menyempurnakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan berkesan. Peningkatan prestasi kerja seseorang guru sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) merupakan prinsip asas dalam kompetensi. Guru yang berpengetahuan dan berkemahiran amat diperlukan bagi melaksanakan tanggungjawab serta tugas yang diamanahkan dengan cekap dan berkesan (KPM, 2016). Oleh itu, Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan telah dibangunkan untuk memberi panduan dan motivasi kepada para guru bagi merancang pembangunan kompetensi dan mencungkil potensi yang terpendam dalam diri setiap guru.

Menurut Booth (1993), Goodwin dan Stevens (1993) dalam Anuar Ahmad dan Jinggan (2015) keberhasilan murid dijana menerusi proses PdPc yang berkesan. Kemahiran mengurus guru yang berkesan akan memudahkan murid untuk memahami dalam sesi PdPc tersebut, manakala sebaliknya akan menyebabkan murid menghadapi masalah dalam sesi PdPc ketika di dalam bilik darjah. Keberhasilan sesi PdPc amat bergantung kepada kemahiran mengurus dan pengurusan kelas seseorang guru. Dalam PAK-21, pengurusan kelas yang berkesan membolehkan para murid berinteraksi dan melaksanakan kolaborasi untuk meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. PdPc yang berkesan memerlukan guru yang mempunyai sikap positif serta berkemahiran dalam mengurus mata pelajaran dengan mantap. Oleh itu, KPM telah memperkukuhkan perancangan dan pembangunan sumber manusia dengan penggabungan kompetensi, potensi dan keberhasilan untuk meningkatkan kecekapan dan komitmen bagi melahirkan guru yang berprestasi tinggi (KPM, 2017).





Siti Salwa (2014) berpendapat bahawa guru wajar memiliki pengetahuan, kemahiran dan kepakaran dalam pengurusan mata pelajaran tertentu. Pengetahuan guru inilah yang dinyatakan oleh Shulman (1987) sebagai pedagogi isi kandungan (PPIK). Situasi ini amat mempengaruhi keberhasilan proses PdPc dan seterusnya meningkatkan kemenjadian murid. Justeru, guru novis hendaklah menyahut cabaran iaitu melengkapkan diri dengan pengetahuan mengurus mata pelajaran, persediaan sebelum proses PdPc, pengetahuan yang mendalam tentang topik yang ingin diajar serta bermotivasi tinggi untuk menggayakan keyakinan diri dan kesungguhan apabila menjalankan tugas yang diamanahkan. Penguasaan pengetahuan ini akan mampu meningkatkan kemahiran mengurus para guru novis bukan opsyen.



Bekas Menteri Pendidikan Malaysia, Muhyiddin Yassin menyatakan bahawa penentuan pembangunan profesion guru seharusnya merentasi beberapa landasan dengan menilai kemajuan berasaskan kompetensi (Lok, 2019). Sistem pendidikan di Malaysia memerlukan mekanisme untuk memastikan guru yang berkompeten dan mencapai standard yang ditetapkan dapat dilahirkan. Profesion guru merupakan antara agen pembangunan negara yang terpenting bagi melahirkan generasi yang celik ilmu dan terdaya untuk bersaing dalam kehidupan yang mencabar dan kompetatif.

Guru wajib memiliki pengetahuan dan kemahiran mengurus untuk melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik. Menurut Cowell (1988), kompetensi merupakan suatu keterampilan atau kemahiran yang bersifat aktif. Oleh itu, guru Bahasa Melayu perlu teguh semasa melaksanakan proses PdPc untuk memaksimumkan keberhasilan murid (Hasnah Isnong & Jamaludin Badusah, 2017). Seseorang guru novis mestilah melengkapkan diri dengan elemen kompetensi seperti





menguasai kandungan subjek berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), berpengetahuan dalam pedagogi, mampu menentukan sumber pengajaran, berupaya mempelbagaikan strategi pengajaran, mempunyai kemahiran kolaborasi yang baik dengan murid serta mempunyai sikap dan keperibadian yang positif. Kajian Bhavani Sridharan dan Kinshuk (2003) menunjukkan bahawa guru yang ingin melaksanakan PdPc dengan jayanya mestilah menguasai kandungan subjek yang ingin disampaikan dan menjaga keperibadian yang ulung sebagai warga yang bergelar pendidik. Sekiranya seseorang guru novis memiliki kemahiran yang sewajarnya, maka beliau mampu menyumbang kepada peningkatan keberhasilan dan kemenjadian murid.

Robiah Sidin (2000) merumuskan bahawa guru sebagai pelaksana kurikulum mestilah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang memadai sebelum melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang pendidik. Jika tahap kesediaan seorang guru mengajar rendah, maka insiden ini akan mencetuskan persoalan dan kemusykilan yang menyukarkan proses mencapai objektif PdPc (Ee, 2005). Kesediaan guru novis meliputi pengurusan mata pelajaran, sebagai pengurus bilik darjah, bersikap profesional, berpengetahuan dan sentiasa berusaha meningkatkan kualiti hasil PdPc. Kesediaan guru ini turut akan mempengaruhi kemahiran guru semasa menjalankan tugas.

Namun demikian, masih ramai dalam kalangan guru novis ini masih belum bersedia untuk menempuh cabaran dan dugaan dalam profesion pendidikan pada zaman ini yang dianggap lebih mencabar (Caroline & Abdul Said, 2014). Kekurangan penguasaan kemahiran mengurus ini juga dikaitkan dengan sikap guru untuk





menjiwai ilmu serta maklumat yang berkaitan bidang tugas mereka. Selaras dengan persepsi Goldhaber (1990) sebelum ini iaitu insiden ini berlaku disebabkan oleh pemahaman para guru novis tentang perkara yang disampaikan tidak lengkap dan kadang kala tidak tepat.

Hakikatnya, guru novis telah mengikuti pengkhususan sekurang-kurangnya satu mata pelajaran atau dikenali sebagai 'opsyen'. Opsyen ini bertujuan untuk memastikan para guru novis menguasai pengetahuan kandungan dan pemahaman yang memadai tentang pengurusan mata pelajaran tersebut. KPM berhasrat untuk menempatkan guru novis mengikut opsyen mata pelajaran Bahasa Melayu setelah mereka tamat pengajian seperti yang termaktub dalam MBMMBI. Sesungguhnya begitu, matlamat ini tidak dicapai sepenuhnya (KPM, 2013). Ingersoll (2003), menyatakan bahawa isu berkaitan guru yang mengajar diluar bidang kepakaran mereka telah tercetus sejak tahun 1980an lagi. Zakaria (2003) dan Minhad (2004) dalam Juliyana Selamat (2016) menyatakan bahawa sebahagian (28% hingga 37%) daripada guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah menengah bukan bidang kepakaran dalam bidang Bahasa Melayu semasa di institut pendidikan guru atau di universiti. Insiden ini telah memberi impak kepada wujudnya segelintir guru novis terpaksa mengajar mata pelajaran tanpa mengikut opsyen pengajian masing-masing. Sehubungan itu, pihak sekolah terpaksa mengarahkan guru novis yang bukan opsyen mata pelajaran Bahasa Melayu mengisi kekosongan tersebut.

Kirts (1984, dalam Roslan, 2014), menyatakan bahawa terjadinya insiden ini adalah berpunca daripada fenomena pertukaran guru ke sekolah lain pada pertengahan penggal tahun yang menimbulkan isu kekurangannya tenaga pengajar. Statistik pada





Jun 2017 yang dikeluarkan oleh KPM mengenai permohonan pertukaran guru secara keseluruhan berjumlah 20,470 orang (Muhaamad Hafis Nawawi, 2017) membuktikan wujudnya permintaan yang tinggi dalam permohonan pertukaran. Fenomena ini secara langsung mengakibatkan pihak pentadbiran sekolah tiada pilihan lain selain memberi tugas yang bukan dalam bidang kepakarannya kepada guru yang sedia ada untuk mengisi kekosongan tersebut. Ketidakpadanan antara keperluan guru dengan bekalan guru novis menyebabkan sebilangan besar guru terpaksa mengajar mata pelajaran yang bukan kepakaran atau opsyen mereka (KPM, 2013). Ini akan mengakibatkan berlakunya fenomena guru novis dikehendaki mengajar sesuatu mata pelajaran teras yang bukan bidang opsyennya.

Di samping itu, wujud juga situasi guru novis terpaksa mengajar dua mata pelajaran bahasa seperti mata pelajaran Bahasa Melayu dan mata pelajaran Bahasa Inggeris serentak dengan alasan bahawa guru novis menguasai kedua-dua bahasa tersebut. Apabila berlakunya situasi ini, guru novis tersebut tidak dapat menguruskan mata pelajaran serta mengajar dengan berkualiti dan berkesan. Artikel Richards (2010) yang bertajuk kompetensi profesionalisme guru Bahasa Inggeris menegaskan bahawa seseorang guru yang mengajar subjek bahasa bukan sahaja perlu tahu menurut bahasa tersebut, malah guru bahasa tersebut mesti menguasai kemahiran yang dikehendaki melalui akademik dan pengalamannya. Impak daripada situasi ini, guru novis tersebut akan mengalami banyak tekanan ketika mengurus dan melaksanakan PdPc dalam situasi ini.

Menurut Atan Long (1988), seseorang guru perlu mendalami mata pelajaran yang hendak diajarnya kerana kekurangan pengetahuan akan membangkitkan rasa





kurang pasti pada diri sendiri, menimbulkan rasa bimbang atau kurang yakin terhadap pengajarannya. Fenomena ini akan dipercayai akan memberi kesan kepada kemahiran mengurus para guru novis bukan opsyen. Di samping itu, guru novis bukan opsyen akan menjadi tidak berminat untuk mengajar sebab mereka terpaksa mengajar subjek yang bukan bidang mereka. Mereka juga tidak memahami pengurusan dalam mata pelajaran tersebut. Ini akan mengakibatkan guru novis bukan opsyen tersebut berada dalam kebingungan dan tidak dapat mengaplikasikan pengetahuan sedia adanya ke dalam PdPc. Kajian Juliyana Selamat (2016) menyatakan guru bukan opsyen terpaksa mencari pelbagai alternatif untuk mempelajari dan memahami apa yang perlu disampaikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Lanjutan daripada itu, murid-murid mudah berasa bosan terhadap isi pengajaran guru dan akhirnya mengakibatkan keberhasilan murid semakin merosot.



1.3 Pernyataan Masalah

Matlamat yang terkandung dalam PPPM 2013-2025 memerlukan warga pendidik mentransformasi proses PdPc, persekitaran pembelajaran, peranan guru dan cara mengurus mata pelajaran agar bersesuaian dengan PAK-21 yang bersifat futuristik serta dinamik dalam usaha pembentukan negara bangsa. Transformasi ini turut memerlukan para guru terutamanya guru novis sentiasa mengemaskini pengetahuan terhadap pedagogi yang mutakhir terutamanya pedagogi abad ke-21, keterampilan, kemahiran dan gaya pengurusan masing masing.





Para guru novis bukan opsyen Bahasa Melayu ini berdepan dengan isu pengurusan terutamanya berkaitan tahap kompetensi yang merupakan disiplin ilmu yang dikehendaki dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kompetensi merupakan piawaian yang mampu menetapkan keberhasilan perkhidmatan seorang guru dalam menyempurnakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan (Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim, 2012). Pengetahuan yang mendalam berkaitan pengurusan mata pelajaran, pengalaman mengajar dan sikap seseorang guru semasa proses PdPc amat mustahak untuk memastikan proses PdPc berjaya disampaikan dengan lebih berkesan, mencapai objektif pembelajaran bermakna dan seterusnya meningkatkan keberhasilan. Bagi menjamin seseorang guru novis bukan opsyen tersebut bersedia memikul tanggungjawab sebagai seorang pendidik abad ke-21, guru novis bukan opsyen hendaklah mempunyai kemahiran mengurus yang betul-betul mantap agar dapat mencapai objektif dan matlamat pendidikan negara.



Memandangkan kebelakangan ini terdapat sebilangan guru novis yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu yang terdiri daripada guru bukan opsyen, sudah tentu proses PdPc tidak dapat disempurnakan dengan lancar seperti sukatan pelajaran terpaksa disempurnakan mengikut DSKP dalam tempoh tertentu. Ini adalah selaras dengan dapatan Ujian Kecekapan Bahasa Melayu (UKBM) yang dilaksanakan pada tahun 2015 kepada 9,672 orang guru bukan opsyen Bahasa Melayu mendapati 40.9% daripada mereka tidak memenuhi standard UKBM untuk mengajar Bahasa Melayu (KPM, 2016). Di samping itu, keputusan ujian UKBM pada tahun 2016 yang terdiri daripada 90 orang guru bukan opsyen Bahasa Melayu menunjukkan hanya empat orang guru bukan opsyen (4.4%) mencapai Tahap 7, 73 orang guru (81.1%) mencapai Tahap 6, manakala 13 orang guru (14.4%) berjaya





mencapai Tahap 5 iaitu hampir mahir dalam mengajar Bahasa Melayu (KPM, 2017). Oleh itu, lebih banyak sokongan dan bimbingan perlu diberikan kepada guru bukan opsyen terutamanya guru novis bukan opsyen BM untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran pedagogi mereka dalam mengajar mata pelajaran tersebut supaya tidak menjejaskan kualiti PdPc murid.

Masalah prestasi peperiksaan murid yang lemah di sekolah juga disebabkan oleh kadar tukar ganti guru yang banyak, manakala guru pula terpaksa mengajar mata pelajaran bukan opsyen (KPM, 2013). Mohamed Ahasan (2006) menyatakan dalam proses penempatan dan pertukaran guru, terdapat kes-kes opsyen guru yang tidak diambil kira mengakibatkan guru terpaksa mengajar mata pelajaran yang diluar bidang pengkhususan mereka. Fenomena ini menyebabkan berlakunya kekurangan guru dalam sesebuah sekolah, guru yang tiada pengkhususan mata pelajaran tersebut diminta untuk mengajar mata pelajaran tersebut (KPM, 2013).

Kajian Juliyana Selamat (2016) menyatakan bahawa kekurangan tenaga guru yang berkecukupan untuk mengajar Bahasa Melayu menyebabkan pihak pentadbir memberi tugas dan tanggungjawab mengajar mata pelajaran ini kepada guru-guru yang mempunyai opsyen lain. Fenomena ini menjadi lebih serius sekiranya guru novis tersebut tidak memiliki Ijazah Perguruan. Statistik Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kinta Utara 2018 melaporkan sebanyak 33 orang guru Bahasa Melayu tidak memiliki Ijazah Perguruan (Sektor Pengurusan Sekolah, 2018). Sehubungan itu, kemahiran untuk menguruskan mata pelajaran tersebut semestinya lebih merosot dan menyebabkan lebih ramai murid tidak mampu mendalami ilmu pengetahuan dalam topik PdPc yang dilaksanakan. Selaras dengan pendapat Carrarciao dan Englander





(2004), penilaian kompetensi terdiri daripada tiga komponen iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam pengurusan mata pelajaran Bahasa Melayu. Pembangunan profesionalisme guru novis didorong oleh sikap mereka terhadap profesion guru yang sering berhadapan dengan pelbagai kekurangan (Aziah Ismail, Noraini Haron, & Abdul Ghani Kaneson, 2013).

Mohammed Sani Ibrahim, Zamri Mahamod dan Norasmah Othman (2007) berpendapat bahawa kecekapan guru adalah antara isu yang menjadi masalah guru novis di sekolah. Guru novis sering kali menghadapi masalah dari segi pengurusan bilik darjah, pengurusan masa, kaedah penyampaian pengajaran yang tidak teratur dan tidak jelas (Mohammed Sani et al., 2007). Menurut Hamidah (2012) dalam Zahanim Ahmad dan Qurratu 'Aini Syamimi (2018), guru novis berhadapan dengan masalah besar dalam tahap kesediaan proses PdPc. Kajian Mohd Yusri Ibrahim dan Aziz Amin (2013) menyatakan terdapat perbezaan kemahiran guru mengikut kelulusan akademik dan pengalaman mengajar. Guru yang lebih berpengalaman memiliki tahap kemahiran yang lebih tinggi berbanding guru novis (Mohd Yusri Ibrahim & Aziz Amin, 2013). Ini membuktikan bahawa pengetahuan dan pengalaman kerja guru merupakan antara faktor yang mempengaruhi dan saling berkaitan dengan kemahiran serta kualiti PdPc.

Menurut Saeedeh Shohani, Akbar Azizifar, Gowhary dan Ali Jamalinesari (2015), terdapat perbezaan kemahiran guru novis dengan guru berpengalaman dari segi pengurusan bilik darjah. Dari aspek pengurusan bilik darjah, kajian Aney Marinda Muhammad Amin dan Norasmah Othman (2019) mendapati bahawa guru novis mampu mengawal disiplin bilik darjah dengan baik melalui penetapan peraturan bilik darjah berdasarkan peraturan sekolah. Namun, guru tidak dapat membangunkan





hubungan interpersonal yang mantap dengan murid khususnya guru novis. Berdasarkan dapatan kajian Orgoványi-Gajdos (2015), 70% daripada guru novis menyatakan bahawa latihan pendidikan guru kurang memberi pendedahan dengan realiti sebenar masalah di dalam kelas yang membuktikan bahawa guru novis mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang cetek semasa melaksanakan PdPc. Pengalaman mengajar guru adalah penting dalam proses PdPc murid (Mohd Yussof Mohd Nor & Sufean Hussin, 2013). Kajian Esmali Bari dan Sufean Hussin (2014) melaporkan bahawa guru yang lebih berpengalaman mengajar seperti guru yang mengajar lebih daripada 16 tahun, guru sekolah rendah, guru ikhtisas Sijil Perguruan (SP), dan guru lelaki, menunjukkan tahap kemahiran yang lebih tinggi.

Kajian Tschannen-Moran dan Hoy (2002) merumuskan dapatan yang membuktikan bahawa kemahiran guru berpengalaman adalah lebih mantap berbanding dengan guru novis. Looney (2003) menyatakan bahawa pengalaman mengajar mempengaruhi kemahiran guru. Peluang pelaksanaan PdPc harian, pengaplikasian kemahiran mengurus dan pengaplikasian strategi PdPc untuk tempoh masa yang lebih panjang menjadikan guru yang berpengalaman memiliki mengurus yang lebih mantap berbanding dengan guru novis. Dapatan kajian Saeedeh Shohani et al. (2015) telah membuktikan bahawa terdapat perbezaan kemahiran antara guru novis dengan guru berpengalaman dari segi pengurusan bilik darjah. Sekiranya guru novis tidak dapat mengaplikasikan semua asas pengurusan, maka bilik darjah dengan baik, maka kewibawaan guru novis jelas masih diragui (Aney Marinda Muhammad Amin & Norasmah Othman, 2019).



Kurang pengalaman sedia ada, gaya, minat dan kemahiran pemikiran inventif dalam kalangan guru mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan antara kekangan bagi melahirkan murid yang berkemahiran dan berfikiran kreatif (Faiza Hasbullah, 2017). Guru novis bukan opsyen mata pelajaran Bahasa Melayu haruslah menguasai kemahiran mengurus dan teknik PdPc yang diperlukan bagi memupuk murid yang berfikiran kreatif, inovatif dan berminat dalam PdPc yang dijalankan. Dapatan kajian Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan dan Zaharani Ahmad (2010) memaparkan sebanyak 54.5% murid Cina beranggapan aktiviti dalam PdPc mata pelajaran Bahasa Melayu tidak menarik. Justeru, guru yang berkemahiran mestilah ghairah mempelajari dan mengaplikasikan teknik, strategi dan pendekatan baharu dalam PdPc untuk menarik minat murid mengikuti PdPc yang dilaksanakan. Di samping itu, guru novis bukan opsyen yang berkemahiran harus menerapkan kemahiran mengurus berfokus kepada pengembangan autonomi murid di samping menghulurkan bantuan kepada murid yang memerlukan bantuan, membangunkan tanggapan sendiri murid terhadap kemahiran akademik, menetapkan matlamat dan tidak mudah mengalah ketika menangani murid yang bermasalah.

Guru novis bukan opsyen telah dilengkapi dengan pengetahuan pedagogi isi kandungan yang merangkumi cara seseorang guru menyampaikan isi kandungan agar murid mudah memahami dan dapat meningkatkan kefahaman konseptual murid terhadap PdPc. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Satute (2003), penguasaan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang mata pelajaran menjadi keutamaan kepada para guru. Namun, apabila seseorang guru novis bukan opsyen tidak dapat mengajar mata pelajaran opsyennya, maka fenomena ini akan menghasilkan kesan negatif kepada guru novis bukan opsyen tersebut di mana pengetahuan dan kemahiran yang



telah dipelajari tidak sesuai dengan mata pelajaran yang diajarnya. Insiden ini secara tidak langsung akan mengakibatkan guru novis bukan opsyen tersebut menghadapi kekangan dan tidak dapat mengajar apa yang dipelajari ketika menuntut di Institut Pendidikan Guru ataupun di universiti dan seterusnya mempengaruhi kemahiran mengurus mata pelajaran tersebut.

Magdeline Noor dan Zamri Mahamod (2014) menjelaskan bahawa kefahaman guru yang mendalam tentang topik PdPc memudahkan guru membuat perancangan untuk sesi PdPc dari segi strategi, pendekatan, teknik, dan keadah PdPc. Guru novis bukan opsyen sememangnya memiliki kefahaman yang memadai terhadap pengetahuan isi kandungan dan pedagogi kerana para guru novis bukan opsyen telah menyempurnakan latihan praktikal semasa berada di institut pendidikan guru. Dengan ini, guru novis bukan opsyen dapat menguasai pengetahuan dan kemahiran mengurus sesuatu mata pelajaran dengan baik, jelas dengan prinsip dan fakta utama bidang mata pelajaran yang dipelajari serta kaedah berkomunikasi dalam bidang tersebut. Zaidah Yazid (2005) menjelaskan bahawa penjana pengetahuan asas guru novis adalah menerusi pengalaman sebagai pelatih mahupun semasa menjalani latihan pendidikan formal. Namun begitu, tidak dapat disangkal bahawa pengalaman turut menyumbang peranan yang besar terhadap kaedah PdPc di sekolah.

Mata pelajaran Bahasa Melayu di SJKC adalah menggunakan pendekatan dan strategi PdPc bahasa kedua (KPM, 2013). Mempelajari Bahasa Melayu selain daripada bahasa ibunda bukan satu perkara yang mudah bagi murid bukan penutur natif terutamanya murid di SJKC yang kurang menggunakan bahasa tersebut dalam mata pelajaran lain (Zamri Mahamod, Kimiliah Ayu Ab. Ghani dan Wan Muna





Ruzanna Wan Mohammad, 2016). Penguasaan bahasa ibunda dijana secara semula jadi, manakala pemerolehan bahasa kedua adalah melalui pembelajaran formal mahupun tidak formal. Penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua sangat memberi kesan terhadap prestasi murid dalam PdPc (Dayang Sufilkawany Ujai & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2017). Sharala Subramaniam, Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah, Nik Mohd Rahimi dan Mohamed Amin (2014) menyatakan ramai pengkaji pembelajaran bahasa kedua berpendapat bahawa elemen yang sangat utama dalam PdPc bahasa kedua ialah strategi pelaksanaan PdPc. Justeru, seorang guru novis mata pelajaran Bahasa Melayu haruslah melengkapkan diri dengan pedagogi yang diperlukan bagi mewujudkan PdPc yang berkesan untuk meningkatkan keberhasilan murid. Sekiranya guru novis bukan opsyen tersebut kurang mahir berkomunikasi dalam Bahasa Melayu, maka kecekapan sendiri guru novis tersebut akan berkurangan. Kajian Dayang Sufilkawany Ujai et al. (2017) menyatakan komunikasi murid dengan warga sekolah menggunakan Bahasa Melayu yang standard amatlah digalakkan bagi melatih pembelajaran bahasa murid sama ada secara formal ataupun tidak formal.

Pada zaman yang berteknologi digital ini, potensi *Informational Communication and Technology* (ICT) sebagai pembantu dalam proses PdPc semakin diutamakan dan berkembang dengan pesat dalam sistem pendidikan. Hal ini selari dengan hasrat KPM untuk mengurangkan jurang pencapaian murid di bandar dan luar bandar sehingga 50% menjelang tahun 2020 (KPM, 2013). Pihak KPM juga tidak ketinggalan dalam usaha ini dengan memastikan 10,000 buah sekolah di seluruh Malaysia dilengkapi dengan internet 4G dan platform pembelajaran maya (Norlizawaty Baharin, 2019). Hasrat ini jelas dinyatakan dalam Anjakan ke-7 PPPM





2013-2025 iaitu memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti PdPc di Malaysia. Namun, sekolah yang berada di kawasan luar bandar menghadapi isu bekalan elektrik yang masih belum sempurna, juruteknik yang berkemahiran dalam bidang ICT (Afifi Hanif, 2018) serta kekurangan infrastruktur seperti rangkaian jalur lebar, komputer, LCD dan sebagainya. Infrastruktur sekolah yang berada dalam keadaan serba kekurangan ini turut melemahkan semangat guru novis bukn opsiyen yang ditempatkan di kawasan luar bandar dan menjejaskan kompetensi kerja. Zainudin Abu Bakar, Mohd Safarin Noordin dan Aide Hatib (2011) menyatakan bahawa kelemahan dan kekurangan kemudahan mengakses akan melemahkan minat dan keinginan para guru untuk merancang PdPc mereka dengan menggunakan ICT.

Terdapat juga kajian yang melaporkan bahawa guru sering hilang keyakinan, hilang keberkesanan serta hilang fokus dalam PdPc sekaligus mengakibatkan kompetensi PdPc lemah (Bity Salwana Alias, Ahmad Basri Yussof, Ramlee Mustapha & Mohammed Sani Ibrahim, 2008). Insiden ini berlaku berpunca daripada tekanan dan *burnout* yang dialami oleh guru novis bukan opsiyen lalu menimbulkan sikap negatif terhadap pengurusan mata pelajaran serta menunjukkan tingkah-laku hilang sabar terhadap murid yang dirasakan mendatangkan masalah (Rohaidah Ishak, 2015). Insiden ini secara tidak langsung akan membangkitkan sikap guru novis bukan opsiyen yang tidak mengharap para murid menunjukkan kesungguhan belajar, kurang bersimpati terhadap murid serta kurang mengambil tahu isu mereka. Kamaruddin Hussin (1993), sikap merupakan pembawaan seseorang yang dipengaruhi oleh emosi untuk bertindak balas dengan cara-cara yang tertentu terhadap seseorang, sesuatu kumpulan, isu-isu tertentu atau benda-benda. Laporan kajian lepas daripada Mohammed Sani Ibrahim, Ahmad Zabidi dan Husaina Banu (2015) menekankan





bahawa kejayaan mahupun kegagalan proses PdPc bergantung sepenuhnya kepada kompetensi guru. Namun, sikap dan kemahiran guru merupakan antara perkara yang menjadi masalah guru novis di sekolah (Mohammed Sani Ibrahim et al., 2006). Guru novis haruslah mempunyai kompetensi yang tinggi dalam pengurusan mata pelajaran bagi mengelakkan insiden ini terjadi.

Berdasarkan kajian Fazura Mohd Noor (2011), terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan guru berasa stres dan mengalami tekanan antaranya adalah seperti kekangan masa dan beban tugas yang berlebihan seperti pelaksanaan skop kerja dan tanggungjawab yang merangkumi aktiviti dalam atau luar darjah diukur berdasarkan kekerapan jumlah masa yang diperuntukkan untuk menyelesaikannya (Ibrahim Jari, 2017). Kajian Mohamad Abdillah dan Woo (2017) mendapati bahawa beban tugas menyebabkan para guru novis berasa letih dari aspek rohani, emosi, dan fizikal dalam kalangan guru SJKC. Ini disebabkan oleh tanggungjawab guru novis yang membebankan untuk mengurus tingkah laku murid dan pertindihan kerja dalam satu tempoh masa tertentu. Tambahan pula, guru novis bukan opsyen terpaksa menyelesaikan masalah dengan mengorbankan masa rehat mereka untuk membuat persediaan rapi dan merujuk kepada bahan pembelajaran mata pelajaran yang bukan opsyennya (Juliyana Selamat, 2016). Akibatnya, guru novis bukan opsyen ini hanya dapat berehat dalam masa yang singkat. Tekanan-tekanan sebegini tanpa disedari akan mempengaruhi sikap dalam mengurus guru novis terhadap tugasnya (Arzizul Antin & Dg Norizah Ag Kiflee, 2018). Guru novis bukan opsyen ini akan mengalami perubahan hidup dan trauma sehingga menyebabkan *burnout* (Griffin & Moorhead, 2010) lalu menjejaskan sikap dalam mengurus PdPc.





Berdasarkan kajian Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001), tekanan yang menyebabkan *burnout* merupakan satu sindrom psikologi yang memberi impak terhadap kompetensi dan prestasi kerja para guru di sekolah. Kajian Zahanim Ahmad dan Qurratu 'Aini Syamimi Hadzari (2018) menyatakan terdapat tanda-tanda kemurungan pada respondennya yang merupakan guru novis bukan opsyen kerana tidak dapat mengajar subjek opsyen dan bukan mata pelajaran bidang pilihan. Pada tahun 2017, didapati sebanyak 4.4% atau 2,123 daripada 48,258 orang guru dikenal pasti mengalami tekanan pada tahap sederhana tinggi (Mohd Anwar, 2018). Ekoran daripada itu, Bekas Presiden Persatuan Psikiatri Malaysia (MPA), Prof. Dr. Nor Zuraida Zainal dalam Pendidik2u (2017), menganggarkan kira-kira 10% daripada pesakit yang mendapat rawatan di wad psikiatri hospital berkenaan adalah terdiri daripada guru. Statistik ini menunjukkan bahawa profesion guru sememangnya mengalami tekanan yang tinggi sehingga mengakibatkan penyakit mental serta mewujudkan sikap negatif terhadap profesion keguruan dan seterusnya menjejaskan sikap dalam mengurus dan kemahiran seseorang guru novis.

Dalam meniti arus kemodenan ini, terdapat banyak dakwaan, ugutan dan komen negatif tentang profesion guru kian menular di media sosial. Antaranya seperti tajuk berita 'Kalau Cikgu Marah Anak Saya, Siap!- Bapa Ugut Guru Bagi Banyak Kerja Sekolah Ketika PKP, Buat Murid Macam Robot' (Sofea Susan Albert Kassim, 2020) dalam mStar, 'Guru Cedera Ditampar Bapa Murid' (Fairuz Zaidan, 2016) dalam BH Online dan sebagainya. Dakwaan-dakwaan sebegini amat mengayat hati para pendidik sehingga terdapat pihak-pihak tertentu bangkit untuk menyokong para pendidik. Antaranya adalah seperti tajuk-tajuk-tajuk yang tertera pada surat khabar seperti 'Hentikan komen negatif terhadap warga pendidik - Mimbar Permuafakatan





Ibu Bapa Malaysia MAPIM Sarawak' (Agnes Tugong, 2020) dalam Utusan Borneo Online, 'Sampai Hati Buat Cikgu Begini' (Murnaena Muhammad Nasir, 2020) dalam MyMetro, 'Maszlee Kecewa Ustazah Dipaksa Merangkak' (Malaysia Kini, 2020) dan sebagainya. Aduan dan ugutan daripada masyarakat menyebabkan segelintir guru mengalami tekanan emosi semasa melaksanakan tugas yang diamanahkan. Fenomena ini turut mewujudkan sikap negatif guru novis bukan opsyen seperti bekerja sambil lewa dan kurang semangat semasa melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan. Hal ini sedemikian kerana mereka perlu sentiasa berjaga-jaga untuk menghindari diri daripada mengundang dan terjebak ke dalam masalah yang tidak diingini. Terdapat juga sebilangan guru merokok, tidak cergas, tidur di dalam kelas, menggunakan telefon semasa PdPc, guru sering datang lewat ke sekolah dan guru mengajar sekadar melepaskan batok di tangga (Salleh And rashid, 2003) yang mewujudkan pertikaian terhadap kompetensi seseorang guru novis bukan opsyen dalam profesion keguruan.

Oleh hal sedemikian, satu kajian berkaitan pengaruh pengetahuan mengurus, sikap dalam mengurus dan pengalaman terhadap kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu perlu dilaksanakan ke atas para novis bukan opsyen. Para guru novis bukan opsyen juga dapat mendalami kompetensi pengurusan mata pelajaran Bahasa Melayu yang dimiliki. Mohammed Sani et al. (2015), menekankan bahawa pengetahuan, sikap dan kemahiran guru akan menentukan kejayaan mahupun kegagalan proses PdPc.

Dengan mengetahui pengaruh pengetahuan mengurus, sikap dalam mengurus terhadap kemahiran mengurus, diharap agar kajian ini dapat membantu para guru



novis dalam mempersiapkan diri dari aspek ilmu pengetahuan, menimba lebih banyak pengalaman dan sikap yang positif supaya lebih kompeten dalam pengurusan mata pelajaran Bahasa Melayu selaras dengan PAK-21. Guru novis bukan opsyen yang kompeten bukanlah komoditi yang digunakan, sebaliknya, guru novis bukan opsyen yang kompeten merupakan aset sekolah yang perlu dibangunkan. Guru novis bukan opsyen yang diberi kepercayaan dan autoriti yang sepatutnya akan menjadi lebih bertanggungjawab menjalankan amanahnya .

1.4 Objektif Kajian

Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan mengurus proses PdPc mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru novis bukan opsyen.
- ii. Mengenal pasti tahap sikap dalam mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru novis bukan opsyen.
- iii. Mengenal pasti tahap kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru novis bukan opsyen.
- iv. Mengenal pasti tahap kompetensi pengurusan mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru novis bukan opsyen.
- v. Membanding kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu berdasarkan pengalaman mengajar dalam kalangan guru novis bukan opsyen.
- vi. Menentukan hubungan antara sikap dalam mengurus dan pengetahuan mengurus dengan kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru novis bukan opsyen.

- vii. Menentukan pengaruh pengetahuan mengurus, sikap dalam mengurus dan pengalaman terhadap kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru novis bukan opsyen.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah tahap pengetahuan mengurus proses PdPc mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru novis bukan opsyen?
- ii. Apakah tahap sikap dalam mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru novis bukan opsyen?
- iii. Apakah tahap kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru novis bukan opsyen?
- iv. Apakah tahap kompetensi pengurusan mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru novis bukan opsyen?
- v. Adakah terdapat perbezaan tahap kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu berdasarkan pengalaman mengajar dalam kalangan guru novis bukan opsyen?
- vi. Adakah terdapat hubungan antara sikap dalam mengurus dan pengetahuan mengurus dengan kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru novis bukan opsyen?
- vii. Adakah terdapat pengaruh pengetahuan mengurus, sikap dalam mengurus dan pengalaman mengajar terhadap kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru novis bukan opsyen?



1.6 Hipotesis Kajian

H₀₁ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu berdasarkan pengalaman mengajar dalam kalangan guru novis bukan opsyen.

H₀₂ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dalam mengurus dan pengetahuan mengurus dengan kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru novis bukan opsyen.

H₀₃ : Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara pengetahuan mengurus, sikap dalam mengurus dan pengalaman mengajar terhadap kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru novis bukan opsyen.



1.7 Kerangka Teori dan Konsep Kajian


Kerangka konsep yang dibangunkan untuk kajian ini adalah diadaptasi daripada Model Kompetensi Iceberg (*Iceberg Competency Model*) oleh Spencer dan Spencer (1993). Menurut Spencer dan Spencer (1993), kompetensi ialah ciri-ciri terpendam seseorang dan bersangkut paut dengan keberhasilan individu dalam profesionnya. Kompetensi terbahagi kepada dua kategori iaitu yang kompetensi mudah diketahui atau tampak (*visible*) dan kompetensi yang terselindung. Kompetensi tampak seperti pengetahuan terhadap kurikulum manakala sikap merupakan kompetensi terselindung. Pengurusan mata pelajaran yang berkesan memerlukan guru yang mempunyai sikap positif serta berpengetahuan dalam mengurus mata pelajaran dengan mantap. Ini



adalah selaras dengan pendapat (Palan, 2008) yang menyatakan bahawa kombinasi kebolehan, nilai, peranan sosial, imej diri, sifat, sikap, motivasi, pengetahuan, dan kemahiran merupakan faktor penentu terhadap prestasi kerja.

Dalam kajian ini, pengkaji berfokus kepada pengaruh pengetahuan mengurus, sikap dalam mengurus guru novis bukan opsyen yang terdapat dalam Model Iceberg dan pengalaman terhadap kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu. Menurut Sutton (2004), gabungan pengetahuan, sikap dan pengalaman yang harus dimiliki untuk melaksanakan kerja dengan cekap dan unggul. Dalam kajian lepas (contohnya, Roslan Hassan, 2014) mendapati bahawa terdapat perbezaan kemahiran guru berdasarkan pengalaman mengajar. Oleh itu, komponen pengalaman juga dipilih sebagai antara satu pemboleh ubah dalam kajian ini kerana pengalaman seseorang guru akan mempengaruhi kemahiran mengurus seseorang guru novis bukan opsyen.

Kerangka konsep Rajah 1.1 merupakan dasar kepada kajian untuk pengkaji menyempurnakan kajian ini. Kerangka konsep ini terdiri daripada pengaruh komponen pengetahuan mengurus, sikap dalam mengurus dan pengalaman terhadap kemahiran mengurus pelajaran Bahasa Melayu. Pemboleh ubah bebas kajian ini ialah komponen pengetahuan mengurus, sikap dalam mengurus dan pengalaman. Pemboleh ubah bersandar pula ialah kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu. Kedua-dua pemboleh ubah ini mempunyai hubungan langsung antara satu sama lain.



Rajah 1.1. Kerangka Konsep

1.8 Definisi operasi

Di dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang perlu diterangkan untuk memperjelaskan maksudnya supaya dapat difahami.

1.8.1 Pengetahuan Mengurus

Pengetahuan mengurus yang dimaksudkan dalam kajian ini merangkumi pengetahuan pedagogi seperti merancang dan melaksanakan pengajaran berdasarkan DSKP, menentukan strategi dan teknik PdPc, memimpin dan mengawal PdPC mata pelajaran Bahasa Melayu.

1.8.2 Sikap dalam Mengurus

Sikap dalam mengurus pula merujuk kepada komunikasi, sosial, sikap dedikasi dan pembangunan sendiri guru novis dalam mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu.

1.8.3 Kemahiran Mengurus

Kemahiran mengurus mata pelajaran yang dimaksudkan dalam kajian ini meliputi kemahiran rekod dan fail, mengendalikan bengkel dan program, kemahiran melaksanakan pentaksiran, pengamalan profesion keguruan dan pengurusan murid.

1.8.4 Pengalaman

Pengalaman dalam kajian ini merujuk kepada tempoh masa mengajar seseorang guru di sekolah. Kajian ini tertumpu kepada pengalaman mengajar guru di sekolah dalam tempoh masa satu hingga tiga tahun.

1.8.5 Mata pelajaran Bahasa Melayu

Bahasa Melayu melambangkan bahasa kebangsaan, bahasa rasmi serta bahasa penghantar kurikulum sekolah di Malaysia. Mata pelajaran Bahasa Melayu masa kini adalah mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Dokumen Standard



Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu merangkumi empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Tujuan keempat-empat kemahiran bahasa tersebut dibangunkan adalah untuk memastikan murid dapat menguasai kecekapan berbahasa yang baik.

1.8.6 Guru Novis

Novis bermaksud baharu atau merujuk kepada individu yang baru bekerja dan tidak mempunyai pengalaman. Guru yang baru menamatkan pengajian dalam bidang pendidikan dikenali sebagai guru novis (Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman & Ahmad Tajuddin Othman, 2009). Mohammed Sani et al. (2006, dalam Khalid Johari et al. 2009) mendefinisikan guru novis sebagai guru baharu yang terlatih dan mula berkhidmat antara satu hingga tiga tahun, dalam tempoh percubaan dan belum disahkan lagi dalam jawatan.

Dalam kajian ini, guru novis melambangkan guru-guru baharu yang baru tamat kursus pergraduannya atau baru berkecimpung dalam bidang pendidikan dari satu hingga tiga tahun.

1.8.7 Guru Bukan Opsyen

Guru yang mendapat latihan ikhtisas dalam bidang tertentu dan mengajar mata pelajaran berkaitan dikenali sebagai ‘guru mengikut opsyen’ manakala guru yang





mengajar mata pelajaran berlainan daripada kelayakan ikhtisas dikenali sebagai ‘guru bukan opsyen’. Guru bukan opsyen bermaksud guru bukan opsyen Pengajian Bahasa Melayu, guru sementara, guru kontrak, guru yang dipinjamkan bagi tujuan mengisi kekosongan tenaga pengajar yang sedang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah.

Dalam kajian ini, guru bukan opsyen merujuk kepada guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dan tiada kelayakan ikhtisas pengajian Bahasa Melayu.

1.9 Kepentingan Kajian



Kepentingan kajian ini berfokus kepada guru novis yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu kerana pelaksanaannya boleh memberi impak terhadap pengurusan mata pelajaran, pembelajaran serta kemenjadian murid. Kajian ini juga membolehkan kita mencari alternatif dalam menambah baik program dan latihan kepada guru novis. Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) juga dapat menggunakan dapatan kajian ini dalam mengendalikan jenis kursus yang bersesuaian serta kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu yang diperlukan oleh guru novis bukan opsyen untuk meningkatkan kualiti diri serta pengembangan profesion.

Dapatan daripada kajian ini diharap dapat memberi manfaat semua pihak seperti pihak pengurusan sekolah, pengurusan panitia mata pelajaran, Jabatan





Pelajaran Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam proses penempatan guru novis serta pengagihan tugas yang bersesuaian dengan guru novis mengikut opsyen masing-masing.

Sementara itu, kajian ini dapat memberi gambaran kepada para guru novis bukan opsyen untuk mengetahui serta lebih memahami pengurusan mata pelajaran Bahasa Melayu. Berdasarkan kajian ini, para guru novis bukan opsyen berupaya mengetahui pengaruh pengetahuan mengurus, sikap dalam mengurus dan pengalaman terhadap kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini juga akan memaparkan tahap kompetensi para guru novis bukan opsyen terhadap pengurusan mata pelajaran Bahasa Melayu. Dengan ini, para guru novis bukan opsyen dapat mengesan sama ada mereka memiliki kompetensi dan adakah kompetensi yang dimiliki mencukupi dalam meneruskan kerjaya sebagai seorang pendidik dan menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Ini akan membantu para guru novis bukan opsyen mempertingkatkan kompetensinya ketika menjalankan tugas, berintegriti serta mengekalkan prestasi kerja dengan lebih cemerlang.

1.10 Batasan kajian

Kajian ini berfokus kepada pengaruh pengetahuan, sikap dan pengalaman terhadap kemahiran mengurus mata pelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini terbatas kepada populasi guru-guru novis bukan opsyen yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di SJKC. Guru yang terlibat dalam kajian ini merupakan guru novis bukan opsyen yang sedang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dari Tahun Satu hingga Tahun



Enam di SJKC daerah Kinta Utara, Perak. Kajian ini juga memaparkan tahap kompetensi yang terdapat pada para guru novis bukan opsyen.

1.11 Penutup

Dalam bab ini, pengkaji mengupas latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis, kepentingan kajian, kerangka teori dan konsep kajian, definisi operasi dan skop kajian. Begitu juga dengan isu, bidang dan masalah yang dikaji dalam kajian ini turut dibincangkan dalam bab ini. Tujuan dan objektif kajian serta kemungkinan yang ingin dicapai juga dinyatakan dalam pelaksanaan kajian ini. Harapan kajian ini adalah agar dapat memberi kepentingan dan dapat membantu memperbaiki serta mempertingkatkan kualiti pengurusan mata pelajaran Bahasa Melayu pada masa depan.